

Bil. S 55

**AKTA PENYIARAN
(PENGAL 180)**

PERATURAN-PERATURAN PENYIARAN (KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN), 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (2) bab 50 dari Akta Penyiaran, maka Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut—

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Penyiaran (Kesalahan Yang Boleh Dikompaun), 2001.

Kesalahan yang boleh dikompaun.

2. Pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi cerai (1) bab 23 dari Akta tersebut iaitu suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah bab 41 dari Akta tersebut, setakat mana kesalahan itu berkaitan dengan alat penyiaran yang merupakan sistem TVRO sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Penyiaran (Sistem TVRO), 2000 (S 2/2001) dan setakat mana pengecualian tiada diberikan berkaitan dengannya oleh Menteri di bawah cerai (4) bab 23 dari Akta tersebut, adalah dengan ini ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun oleh Menteri di bawah cerai (1) bab 50 dari Akta tersebut.

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 24 haribulan Julai, 2001.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA DATO LAILA UTAMA
HAJI AWANG ISA BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI
DATO LAILA UTAMA HAJI IBRAHIM
Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.